

## BAHASA KIASAN DALAM LIRIK LAGU *RAHSIA TUHAN*: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

MUSAAB MUSTAPHA  
*Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*  
[musaabmustapha16@gmail.com](mailto:musaabmustapha16@gmail.com)

NURUL JAMILAH ROSLY\*  
*Universiti Antarabangsa Malaysia*  
[nuruljamilah@iium.edu.my](mailto:nuruljamilah@iium.edu.my)

*\*Pengarang Perantara*

### ABSTRAK

Lagu merupakan seni karya yang melambangkan identiti budaya dan kehidupan masyarakat. Seni karya ini mempunyai pelbagai genre termasuk genre indie yang kian mendapat perhatian di Malaysia kerana menggunakan bahasa kiasan sebagai wadah penyampaian falsafah dan nasihat kepada khalayak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan ungkapan bahasa kiasan di dalam lirik lagu *Rahsia Tuhan* berdasarkan semantik inkuisitif. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penganalisan ungkapan kiasan dalam lirik lagu *Rahsia Tuhan* melalui Rangka Rujuk Silang (RRS), yang merujuk silang dalam ayat-ayat yang tidak mempunyai anteseden untuk mencungkil akal budi secara mendalam. Hasil kajian mendapati lirik lagu *Rahsia Tuhan* kaya dengan nasihat dan teguran yang berkaitan unsur ketuhanan, kekeluargaan, kehidupan, dan kesunyian. Falsafah yang terkandung dalam tujuh ungkapan bahasa kiasan tersebut adalah merangkumi pengajaran, nasihat, dan nasihat kepada masyarakat agar menjaga hubungan antara Tuhan, sesama manusia serta kesihatan mental demi kesejahteraan hidup. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan keberkesanan pendekatan semantik inkuisitif dalam merungkai lapisan makna dan falsafah pengarang secara sistematik. Selain menyumbang kepada bidang ilmu, kajian ini menyerlahkan potensi muzik genre indie sebagai medium penyampaian nilai akal budi Melayu kontemporari.

**Kata kunci:** Bahasa Kiasan; Falsafah; Semantik Inkuisitif; Akal Budi; Lirik Lagu.

## FIGURATIVE LANGUAGE IN THE LYRICS OF *RAHSIA TUHAN*: AN INQUISITIVE SEMANTIC ANALYSIS

### ABSTRACT

Song is a work of art that symbolizes cultural identity and community life. The art of this work has various genres including the indie genre which is gaining attention in Malaysia because it uses figurative language as a vehicle to convey philosophy and advice to the audience. This study aims to identify and discuss figurative language expressions in the lyrics of *Rahsia Tuhan* based on inquisitive semantics. This study uses a qualitative method through the analysis of figurative expressions in the lyrics of the song *Rahsia Tuhan* through the Cross Reference Framework (RRS), which cross-references in verses that do not have antecedents to dig deep into the mind. The results of the study found that the lyrics of the song *Rahsia Tuhan* are rich in advice and reprimands related to elements of divinity, family, life, and silence. The philosophy contained in the 7 figurative language expressions includes teaching, and advice to the community in order to maintain the relationship between God, fellow human beings as well as mental health for the well-being of life. Overall, the results of this study are expected to provide an in-depth understanding of the figurative language contained in the lyrics of songs by Malaysian singers, thus opening up the space for conducting similar studies.

**Keywords:** Figurative Language; Philosophy; Inquisitive Semantics; Mind-Emotion-Moralgoodness-Practicality; Song Lyrics.

### PENGENALAN

Sejak bertahun lama, bahasa menjadi medium perantara untuk menyampaikan makna, mesej, hasrat, emosi, dan juga pemikiran kepada khalayak (Masitah Mad Daud, et al., 2017). Dalam konteks ini, masyarakat Melayu terdahulu gemar menggunakan bahasa sebagai ejen penyebaran budaya yang boleh diamalkan sehingga kini mengikut peredaran zaman. Setiap warisan budaya yang dicipta nenek moyang masyarakat Melayu terdahulu mempunyai falsafah dan akal budi yang tersendiri. Hal ini menjadikan setiap karya yang pernah dicipta seniman-seniman negara mahupun penglipur lara menjadi suatu khazanah kepada negara. Ismail Hamid (1988: 130), dalam kajian Ezzah' Afifah dan Che Ibrahim Salleh (2015), menyatakan bahawa masyarakat Melayu terdahulu mempunyai sistem pendidikan agung bagi kedua-dua kaedah formal mahu pun tidak formal. Kaedah pengajaran ini termasuk pendidikan nilai budaya masyarakat tradisional melalui kesusasteraan lisan bersama keluarga. Pendidikan tradisional berlaku melalui penyebaran kesusasteraan lisan termasuk cerita rakyat, pantun, peribahasa, lagenda, mitos, puisi, sajak, lagu rakyat dan sebagainya (Ezzah' Afifah & Che Ibrahim Salleh, 2015).

Setiap karya-karya tradisional yang dicipta masyarakat Melayu terdahulu mempunyai mesej atau tauladan yang ingin disampaikan kepada khalayak. Perkara ini dihasilkan oleh penglipur lara demi mendidik sambil berhibur seperti yang dinyatakan Isa (1987), dalam kajian Madiawati Mamat@Mustaffa, et al. (2024), yang menjelaskan bahawa setiap karya yang dihasilkan penglipur lara mempunyai unsur dalaman yang menarik. Hal ini menjadikan karya yang dihasilkan itu mampu menarik perhatian orang ramai sekali gus mewujudkan proses penyampaian nilai-nilai murni. Usaha yang dilakukan masyarakat

Melayu terdahulu jelas menunjukkan pemikiran kreatif dan kritis mereka dalam menyampaikan akal budi atau pemikiran. Hairul Anuar dan Mohd Azam (2023), menjelaskan bahawa akal budi merupakan suatu unsur yang sangat penting bagi masyarakat Melayu. Hal ini kerana tingkah laku, cara berfikir, dan kesantunan berbahasa dipengaruhi oleh akal budi Melayu (Junaini Kasdan, 2020 dalam Hairul Anuar & Mohd Azam, 2023). Sementara itu, akal budi masyarakat Melayu pada ketika dahulu diaplikasikan dalam pelbagai bentuk karya tradisional termasuk cerita rakyat, pantun, puisi, dan sebagainya untuk mendidik disiplin sendiri golongan muda (Firdaus Che Yaacob, 2022).

Walau bagaimanapun, karya tradisional yang digunakan untuk menyampaikan akal budi atau pemikiran Melayu telah berevolusi ke bentuk yang lebih moden, iaitu lirik lagu. Wong Shia Ho & Nor Hashimah Jalaluddin (2019), menjelaskan bahawa lirik lagu digunakan untuk menyampaikan mesej yang tersirat di samping mengindahkannya melalui intonasi dan lenggok bahasa yang menarik. Dalam pada itu, penghasilan lirik lagu bukan sahaja memerlukan pemikiran yang kreatif dan kritis, malah penghayatan sepenuhnya mesti dilakukan penulis untuk menyampaikan pemikiran dengan tepat (Habsah Hassan, 2016 dalam Wong Shia Ho & Nor Hashimah Jalaluddin, 2019). Penyampaian pemikiran atau akal budi yang tepat juga memerlukan penggunaan bahasa yang indah supaya idea yang diaplikasikan dalam karya kreatif itu mampu difahami pendengar di samping berhibur. Namun begitu, bahasa yang diolah dalam penghasilan lirik lagu memerlukan teknik penulisan yang lebih puitis berbanding penulisan biasa. Hal ini bertujuan untuk mencungkil akal budi dan falsafah Melayu melalui setiap rangka kata kiasan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, selari dengan objektif kajian yang menumpukan kajian makna lirik lagu *Rahsia Tuhan*.

### PERNYATAAN MASALAH

Terdapat banyak kajian yang mengkaji lirik lagu dari sudut pelbagai bidang semantik inkuisitif khususnya dalam pengkajian lirik lagu seperti Hairul Anuar Harun & Mohd Azam Sulong (2023), Wong Shia Ho (2020), Ahmad Wafi Yunus & Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin (2022), Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020), Muhammad Zawawi Tuah (2020), Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2021), dan Aliaa Wan Mohd Muzani & Nurul Jamilah Rosly (2022). Berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan kebanyakan pengkaji membincangkan lirik lagu yang bergenre balada, pop, rap, nasyid, dan rock. Namun begitu, kajian yang membincangkan kajian lirik lagu berkonsepkan genre indie berdasarkan semantik inkuisitif masih lagi kurang dilakukan. Walaupun terdapat kajian yang pernah mengkaji lagu bergenre indie seperti Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2021), namun kajian ini tidak menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Sebaliknya, kajian tersebut menganalisis lirik lagu “Tolong Ingatkan Aku” menggunakan interpretasi resepsi sastera yang bertentangan dengan tumpuan pengkaji, iaitu lebih memfokuskan kepada pendekatan semantik inkuisitif dalam lirik lagu *Rahsia Tuhan*.

Kekurangan kajian terhadap lirik lagu yang berkonsepkan genre indie berdasarkan semantik inkuisitif juga bertitik tolak dengan bidang kuasa ilmu yang hanya banyak membincangkan dalam aspek gaya bahasa seperti Rosmalizah Rasyid dan Yulliani Rachmawati (2023), yang bertajuk “Gaya Bahasa Dalam Lirik Lagu Bergenre Indie.” Selain itu, kebanyakan pengkaji kurang memberi tumpuan terhadap lagu yang bergenre indie kerana ramai masyarakat lebih memilih untuk mendengar lagu-lagu kontemporari pada masa kini seperti “Jaga Dia Untukku” dan “Seluruh Cinta” yang dinyanyikan Dato’ Siti Nurhaliza. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Aliaa Wan Mohd Muzani, dan, Nurul Jamilah Rosly (2021), yang mengkaji bahasa kiasan dalam lirik lagu nyanyian Dato’ Siti Nurhaliza. Seterusnya, kebanyakan pengkaji lebih menekankan lagu yang bertemakan kehidupan masyarakat sosial dan cinta berbanding ketuhanan misalnya Muhammad Zawawi Tuah (2020), dan Wong Shia Ho (2021). Hal ini

menyebabkan kurangnya penumpuan kajian terhadap lirik lagu yang bersifat spiritual yang berpotensi untuk memberikan kefahaman khusus dalam aspek agama. Meskipun terdapat kajian yang mengkaji unsur ketuhanan dalam lirik lagu, iaitu Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020), dan Norfadzlea Tasha Al-Fadhir & Nora'Azian Nahar (2022), tema yang dibincangkan adalah berbeza dengan tumpuan pengkaji bagi lirik lagu yang berkonsepkan indie.

Secara keseluruhan, dapat dilihat bahawa kajian mengenai pendekatan semantik inkuisitif terhadap lirik lagu yang bertemakan ketuhanan dan berkonsepkan *indie* masih lagi kurang dalam bidang ilmu. Kajian sebegini perlu diteliti dan diperhalusi supaya pemikiran yang disampaikan dalam lirik lagu '*Rahsia Tuhan*' yang dinyanyikan Noh Salleh dapat dicungkil, sejurus memberikan kefahaman yang mendalam kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, kajian Bahasa kiasan dalam lirik lagu '*Rahsia Tuhan*' berdasarkan semantik inkuisitif sedikit sebanyak dapat menyelesaikan konflik dalam bidang ilmu.

### SOROTAN KOSA ILMU

Antara kajian awal yang menerapkan pendekatan semantik inkuisitif dalam analisis lirik lagu ialah kajian Wong Shia Ho (2019) bertajuk Bahasa Kiasan dalam Lagu "Mati Hidup Semula": Analisis Semantik Inkuisitif. Kajian ini bertujuan meneliti makna implisit serta akal budi penulis melalui penggunaan bahasa kiasan dalam lirik lagu tersebut. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, pengkaji memfokuskan analisis terhadap ungkapan-ungkapan seperti "Dulu hidup kurasakan mati" dan "Setelah mati kuhidup semula", yang memperlihatkan hubungan semantik yang kompleks antara konsep hidup dan mati. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pertentangan makna antara hidup dan mati tidak sekadar berfungsi sebagai antonim harfiah, sebaliknya mengandungi dimensi emosional dan falsafah yang mendalam.

Kajian seterusnya oleh Aliaa Wan Mohd Muzani dan Nurul Jamilah Rosly (2021) bertajuk Bahasa Kiasan dalam Lirik Lagu Nyanyian Dato' Sri Siti Nurhaliza: Analisis Semantik Inkuisitif memperluas horizon kajian dengan menganalisis dua buah lagu, iaitu "Jaga Dia Untukku" dan "Seluruh Cinta". Kajian ini memfokuskan penganalisan makna bahasa kiasan serta pemikiran dan falsafah penulis lirik melalui pendekatan semantik inkuisitif yang berlandaskan kerangka Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Analisis ini memperlihatkan bagaimana lirik lagu bukan sahaja berfungsi sebagai medium ekspresi perasaan, malah sebagai wahana refleksi falsafah tentang kehidupan, kehilangan dan ketabahan. Kajian ini didapati signifikan kerana memperlihatkan keberkesanan pendekatan semantik inkuisitif dalam merungkai dimensi kognitif dan emosional yang kompleks dalam lirik lagu. Seterusnya, Norfadzlea Tasha Al-Fadhir dan Nora 'Azian Nahar menjalankan kajian bertajuk Unsur Ketuhanan dalam Lirik Lagu "Suatu Masa" Nyanyian Dato' M. Nasir: Analisis Semantik Inkuisitif. Kajian ini menumpukan penelitian terhadap makna implisit, falsafah dan pemikiran keagamaan dalam lirik lagu tersebut. Dengan menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dan aplikasi Rangka Rujuk Silang (RRS), pengkaji menghubungkan setiap ungkapan kiasan dengan konteks keseluruhan lagu bagi menyingkap mesej dakwah yang terkandung secara tersirat.

Hasil kajian menunjukkan bahawa lirik lagu "Suatu Masa" sarat dengan tema spiritual seperti penyesalan, keinsafan, pencarian makna hidup, hidayah dan keteguhan iman. Perlambangan seperti "berpucuk-pucuk surat" yang merujuk kepada al-Quran dan "cahaya di matamu" sebagai simbol hidayah Ilahi memperlihatkan kebijaksanaan bahasa dalam menyampaikan mesej ketuhanan secara halus dan berlapik. Penemuan ini menegaskan bahawa masyarakat Melayu memanfaatkan bahasa kiasan sebagai medium dakwah yang berkesan, selari dengan tradisi komunikasi yang menekankan kesantunan dan keindahan makna. Selain itu, Wong Shia Ho (2020) turut menjalankan kajian bertajuk Gambaran Kemewahan melalui Perlambangan dalam Lirik Lagu Hokkien "Ji Pa Ban": Analisis Semantik Inkuisitif.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti perlambangan yang menggambarkan konsep kemewahan dan status sosial serta menghuraikan makna tersirat di sebalik penggunaan bahasa kiasan dalam lirik lagu tersebut. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis semantik inkuisitif, pengkaji meneliti simbol-simbol seperti Jepun, Itali dan Hawaii yang merujuk kepada destinasi mewah dan gaya hidup kelas atasan.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu membuktikan bahawa pendekatan semantik inkuisitif amat berkesan dalam menelusuri makna tersirat, pemikiran, falsafah dan akal budi Melayu yang terkandung dalam lirik lagu. Kajian oleh Wong Shia Ho (2019, 2020), Aliaa Wan Mohd Muzani dan Nurul Jamilah Rosly (2021), serta Norfadzlea Tasha Al-Fadhir dan Nora 'Azian Nahar (2022,) telah memperlihatkan keupayaan pendekatan ini dalam merungkai dimensi emosi, spiritual dan sosial dalam teks kreatif. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian lepas lebih tertumpu kepada genre pop dan balada arus perdana, dengan penekanan terhadap tema cinta, kehilangan, keagamaan dan kemewahan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang kelompongan kajian dengan meneliti bahasa kiasan dalam lirik lagu *Rahsia Tuhan* nyanyian Noh Salleh melalui pendekatan semantik inkuisitif.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif bagi menganalisis data berbentuk teks, khususnya ungkapan bahasa kiasan dalam lirik lagu *Rahsia Tuhan* nyanyian Noh Salleh. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk meneliti makna, konteks, pemikiran serta falsafah yang tersirat dalam karya kreatif itu, khususnya rangkap kedua lirik lagu ini merangkumi ungkapan kiasan yang mesti dibincangkan secara mendalam. Lagu ini juga menerima tontonan sebanyak satu juta dalam platform *Youtube*, malahan menerima jumlah pendengar seramai dua perpuluhan enam juta dalam medium *Spotify*. Hal ini menunjukkan lagu *Rahsia Tuhan* mendapat tempat di hati masyarakat. Justeru, kajian ini penting untuk meneroka makna mendalam, bukan sahaja harfiah terhadap lirik lagu tersebut untuk menyumbang bidang ilmu, sejurus membuka ruang pengetahuan baharu kepada khalayak ramai. Menurut Vaismoradi, Turunen dan Bondas (2013), penyelidikan kualitatif deskriptif bertujuan menghuraikan fenomena secara terperinci melalui pemerhatian dan analisis yang sistematik.

### Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan sebagai sumber utama dan sokongan daripada sumber internet sebagai sumber sekunder. Kaedah kepustakaan melibatkan rujukan terhadap buku ilmiah, jurnal, artikel akademik serta kajian terdahulu yang berkaitan dengan semantik inkuisitif, bahasa kiasan dan akal budi Melayu. Selain itu, sumber internet digunakan bagi mendapatkan teks lirik lagu *Rahsia Tuhan* serta data sokongan daripada Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Penggunaan sumber digital ini bertujuan memastikan analisis yang dijalankan bersifat empirikal dan berlandaskan data yang sahih. Pemilihan sumber dibuat secara selektif bagi mengekalkan ketepatan, kesahihan dan kebolehpercayaan data kajian.

### Kaedah Penganalisan Data

Data kajian dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dengan sokongan kaedah Rangka Rujuk Silang. Kaedah Rangka Rujuk Silang (RRS) digunakan untuk mengaitkan makna setiap baris lirik dengan konteks keseluruhan lagu supaya makna tersirat dapat dijelaskan dengan lebih terperinci. Proses analisis dimulakan dengan mengenal pasti ungkapan bahasa kiasan yang signifikan dalam lirik lagu *Rahsia Tuhan*. Setiap ungkapan

dianalisis melalui tiga tahap, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Pada peringkat semantik skrip, makna literal dikenal pasti berdasarkan rujukan kamus. Seterusnya, semantik resonans melibatkan proses kognitif untuk meneliti hubungan makna dengan konteks, pengalaman dan persekitaran sosial. Peringkat semantik inkuisitif pula menuntut pengkaji meneroka makna secara lebih mendalam dengan mengaitkan data linguistik dengan disiplin ilmu lain seperti budaya, falsafah, agama dan sosiologi bagi menyingkap pemikiran serta akal budi Melayu yang tersirat. Kaedah Rangka Rujuk Silang digunakan untuk memadankan data lirik dengan sumber sokongan seperti korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, teks agama serta kajian terdahulu bagi memastikan ketepatan tafsiran. Pendekatan ini membolehkan analisis dijalankan secara sistematik dan holistik, sekali gus menghasilkan dapatan yang mantap dan berwibawa.

### PENDEKATAN SEMANTIK INKUISITIF

Pendekatan semantik inkuisitif merupakan pendekatan khusus dalam kajian makna sesuatu perkataan di samping membawa pemahaman kita kepada falsafah dan akal budi Melayu. Pendekatan yang diperkenalkan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) ini pertama kali digunakan untuk mendalami makna tersirat di sebalik ungkapan peribahasa secara mendalam dan menyeluruh. Hal ini mencakupi konsep 'semangat ingin tahu' seperti yang terkandung dalam lirik lagu rakyat 'Bangau Oh Bangau' karya Hamzah Fansuri (Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir, 2019). Justeru, pendekatan ini bukan sahaja untuk digunakan dalam kajian makna peribahasa Melayu, malahan semantik inkuisitif digunakan secara meluas dalam pelbagai karya kesusasteraan Melayu termasuk penulisan lirik lagu. Oleh hal yang demikian, Hashimah Jalaluddin (2014), telah mewujudkan semantik inkuisitif tiga tahap yang merangkumi semantik skrip, semantik resonans, dan semantik inkuisitif untuk mendalami setiap kata secara meluas. Rajah 1 di bawah memaparkan carta aliran yang dibawa oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014):



RAJAH 1. Carta Aliran Proses Penganalisisan Data Bersandarkan Pendekatan Semantik Inkuisitif

Berdasarkan Rajah 1 di atas, carta aliran adalah penting untuk memberi gambaran secara keseluruhan kepada pengkaji untuk memastikan penganalisisan dilaksanakan secara sistematik. Dalam konteks ini, semantik skrip merujuk kepada tafsiran makna yang bersifat literal atau harfiah. Proses ini melibatkan pemahaman sesuatu makna berdasarkan kamus bahasa yang sedia ada termasuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2015). Selanjutnya, peringkat kedua, iaitu semantik resonans melibatkan proses kognitif manusia untuk menjelaskan frasa atau makna bagi ungkapan bahasa kiasan. Proses ini mencakupi keadaan sekeliling atau ciri yang berkaitan dengan makna, sekali gus menjelaskan konteks sesuatu ungkapan bahasa kiasan yang ingin dikaji.

Berbeza pula dengan semantik inkuisitif, tahap ini tidak berfokus pada permukaan atau makna harfiah, malahan pengkaji perlu mengaitkan segala aspek yang berkaitan dengan ilmu-ilmu disiplin yang berlainan. Hal ini demikian kerana, tahap terakhir bagi pendekatan ini hanya dapat dicapai pengkaji melalui usaha untuk meneroka, memahami, dan mencari jawapan kepada persoalan-persoalan di sebalik makna yang tersirat dalam lirik lagu berdasarkan identiti atau naluri kemelayuan seseorang (Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir, 2019). Dalam kajian ini pengkaji akan menggali makna di sebalik setiap ungkapan bahasa kiasan dalam lirik lagu tersebut dengan lebih terperinci menggunakan kaedah rangka rujuk silang (RRS). Hasilnya, pengkaji dapat menghubungkan hipotesis yang dibuat terhadap ungkapan bahasa kiasan dalam lirik lagu dengan pemikiran dan akal budi Melayu, sekali gus memberikan pemahaman yang mendalam.

### HASIL DAPATAN

Lirik lagu yang dibincangkan adalah untuk mengupas makna tersirat yang mengandungi banyak perlambangan atau kiasan yang perlu diterokai. Ungkapan bahasa kiasan ini melibatkan perbandingan atau persamaan kata dengan kata yang lain untuk membentuk sudut makna (Aliaa Muzani & Jamilah Rosly, 2021). Hal ini bermakna, makna yang terkandung dalam lirik lagu diterapkan dalam beberapa frasa atau perkataan khusus dalam setiap rangkap. Justeru, pengkaji telah memilih empat ungkapan bahasa kiasan dalam lirik lagu *Rahsia Tuhan* untuk dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif (Hashimah Jalaluddin, 2014), yang didasari dengan rangka rujuk silang (RRS). Berikut merupakan jadual senarai ungkapan bahasa kiasan yang dikenal pasti pengkaji dalam lirik lagu *Rahsia Tuhan*.

JADUAL 1. Ungkapan Bahasa Kiasan dalam Lirik Lagu *Rahsia Tuhan* Nyanyian Noh Salleh

Data	Baris Lirik	Bahasa Kiasan
N1	Baris 1	“Hanya nafas didengari aku”
N2	Baris Ke-3	“Rumah tempat berteduh”
N3	Baris Ke-6	“Kurela kau d panggil kembali”
N4	Baris ke-8	“Menyentuh bara api”

Berdasarkan Jadual 1 di atas, pengkaji telah mengenal pasti tujuh ungkapan yang berbentuk bahasa kiasan dalam lirik lagu *Rahsia Tuhan* nyanyian Noh Salleh. Setiap ungkapan kiasan yang dikenal pasti itu mempunyai unsur metafora dan lenggok bahasa yang unik, sejurus menjadikan frasa tersebut sesuai untuk dipilih sebagai sampel kajian. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan melakukan analisis semantik inkuisitif terhadap keenam-enam data yang terpilih satu per satu dan menghubungkan kait dengan konteks keseluruhan lagu ini bagi mengupas falsafah atau akal budi Melayu yang terkandung.

### Penganalisan Ungkapan Kiasan dalam Lirik Lagu *Rahsia Tuhan*

Berikut merupakan perbincangan data menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif:

#### Data *Hanya nafas didengari aku*

##### i. Analisis Semantik Skrip


Pada tahap ini, pengkaji menganalisis ungkapan kiasan pertama melalui rujukan kamus untuk mendapatkan makna yang harfiah.

JADUAL 2. Makna Linguistik Data Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat (2015)*

Data	Ungkapan Kiasan	Makna Harfiah	
N1	“Hanya nafas didengari aku”	Hanya	Tidak lebih daripada; sedikit, sahaja.
		Nafas	Udara yang disedut ke dalam dan dihembuskan keluar dari paru-paru.
		Didengari	Menangkap percakapan, kata-kata yang dituturkan dan sebagainya
		Aku	Kata ganti nama diri pertama

Jadual 2 di atas menunjukkan analisis semantik skrip yang dilakukan pengkaji melalui rujukan ke atas Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), terhadap ungkapan kiasan ‘Hanya nafas didengari aku.’ Melalui penganalisan terhadap perkataan demi perkataan tersebut, terbentuknya makna harfiah ‘Hanya udara sahaja kedengaran.’ Proses penganalisan makna harfiah ini tidak memerlukan usaha pemikiran kognitif yang tinggi.

## ii. Analisis Semantik Resonans



RAJAH 2. Rangka Rujuk Silang bagi data (N1)

Berdasarkan data (N1), ungkapan yang berbentuk bahasa kiasan ini membawa maksud harfiah bahawa hanya udara yang disedut sahaja dapat didengari oleh pengkarya sehingga mewujudkan perasaan gelisah dalam diri. Walau bagaimanapun, tafsiran pada kata “nafas” sahaja tidak mencukupi untuk menjelaskan makna sebenar di sebalik ungkapan kiasan tersebut. Justeru, pengkaji telah melakukan Rangka Rujuk Silang bagi ungkapan pertama bagi data (N1) bersama ungkapan kiasan pada baris kedua lirik lagu, iaitu “Puas resah melengkapi lagu.” Perkataan “resah” bermaksud perasaan gelisah, tidak tenang hati, gugup, dan panik, manakala “melengkapi lagu” membawa makna tindakan gelisah seseorang seakan-akan berlaku seperti irama lagu. Hal ini berkait dengan kata “nafas” bahawa pernafasan yang tinggi seperti seseorang itu sedang mengalami panik yang ekstrem sehingga nafas didengari seperti satu simfoni lagu.

Menurut Martin & MD (2013), corak pernafasan yang berubah-ubah dikaitkan dengan seseorang mempunyai masalah gangguan *Anxiety*. Bertitik tolak dengan konteks “nafas” dan “resah”, penulis ingin menunjukkan bahawa seseorang dalam lirik lagu tersebut sedang mengalami tekanan yang ekstrem. Rangka Rujuk Silang (RRS) dilakukan juga pada ungkapan kiasan yang seterusnya, iaitu “melengkapi lagu.” Ungkapan kiasan ini menunjukkan bahawa penulis mencapai ilham untuk menghasilkan sesuatu karya dalam keadaan tertekan. Situasi ini berkait dengan teori Yerkes-Dodson (1908), bahawa tekanan yang ketara mampu meningkatkan prestasi kognitif dan meningkatkan fokus serta kebolehan menyelesaikan masalah. Dalam konteks lirik lagu ini, penulis mengalami kegelisahan yang teruk di dalam sebuah ruang yang sangat sunyi sehingga mencapai puncak pemikiran yang tinggi. Kesannya, dia mampu menghasilkan satu karya sastera seperti lirik lagu ini. Oleh hal yang demikian, lirik lagu ini ingin menyampaikan mesej bahawa manusia boleh menghasilkan sesuatu idea yang bernas melalui satu titik fokus yang tinggi apabila berada dalam tekanan.

### iii. Analisis Semantik Inkuisitif

Semantik inkuisitif adalah tahap ketiga dalam penganalisan makna yang melibatkan pemikiran kognitif tertinggi serta multidisiplin. Hal ini kerana semantik inkuisitif mengupas makna bagi ungkapan bahasa kiasan di luar pemikiran biasa manusia. Dalam konteks lirik lagu *Rahsia Tuhan*, terdapat makna lain bagi ungkapan “Hanya nafas didengari aku.” Ungkapan kiasan tersebut menunjukkan erti kesyukuran yang patut dihargai. Perlambangan itu boleh dilihat melalui kata “nafas.” Hal ini demikian, nafas itu sendiri menunjukkan tanda kewujudan diri dalam dunia kerana pernafasan merupakan satu anugerah tuhan yang patut disyukuri. Perkara ini berkait-rapat dengan firman Allah SWT dalam Surah Hud, ayat ke-61:

﴿وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ قَالُوا يَا حَسْبِيَ اللَّهُ مَا لِيَ بَأْسًا كَمَا كُنَّا مِنَ الَّذِينَ خَلَقْنَا وَاللَّهُ يَوْمَئِذٍ عَلِيمٌ﴾  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُجِيبٌ

Maksudnya: “Dan kepada kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka iaitu Nabi Soleh. Dia berkata: “Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dialah yang menjadikan kamu daripada bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah daripada perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepada-Nya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya.”

Surah Hud (61)

Allah SWT berfirman bahawa sekalian manusia mesti menghargai sumber alam sekitar termasuk udara kerana itu adalah salah satu nikmat dunia dan mengelakkan diri daripada merosakkan anugerah yang telah diberikan. Dalam konteks ini, “nafas” menjadi simbol kehidupan yang mengingatkan umat Islam tentang anugerah Tuhan yang paling asas tetapi berharga. Hal ini menjadi tanda bahawa manusia masih diberi peluang untuk hidup, berfikir, dan memperbaiki diri. Hakikatnya, apabila “nafas sahaja yang kedengaran”, perkara ini menjadi peringatan bahawa keberadaan kita sendiri adalah bukti kuasa dan rahmat-Nya. Justeru, melalui kesyukuran bermakna penulis menerima diri seadanya tanpa membandingkan diri dengan orang lain kerana kehidupan itu sendiri menjadi satu bentuk kasih sayang Tuhan. Ungkapan “didengari aku” pula jelas menunjukkan bahawa hubungan dengan diri sendiri perlu dijaga demi kelangsungan hidup. Hal ini bermakna setiap nikmat yang telah diberikan Tuhan perlu disyukuri tanpa mempersoalkan nasib pada orang lain kerana Allah SWT itu bersifat adil. Oleh hal yang demikian, “Hanya nafas didengari aku” merupakan satu nasihat oleh pengkarya kepada khalayak untuk terus bersyukur dan menerima keadaan diri sendiri tanpa membandingkan dengan orang lain kerana nikmat yang telah diberikan Tuhan adalah bersifat adil.

### **Data Rumah tempat berteduh**

#### i. Analisis Semantik Skrip


Tahap pertama bagi pendekatan semantik inkuisitif (Hashimah Jalaluddin, 2014), melibatkan penafsiran makna secara harfiah melalui Kamus Dewan.

JADUAL 3: Makna Linguistik Data (N2) Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015)

Data	Ungkapan Kiasan	Makna Harfiah	
N2	"Rumah tempat berteduh"	Rumah	Binaan untuk tempat tinggal; tempat.
		Tempat	Ruang yang digunakan untuk sesuatu; kawasan yang tertentu.
		Berteduh	Berlindung daripada panas matahari, hujan, ribut, dan lain-lain.

Jadual 3, menunjukkan penakrifan makna secara harfiah bagi ungkapan kiasan "Rumah tempat berteduh." Pengkaji menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), sebagai sandaran utama untuk mendapatkan makna permukaan bagi ketiga-tiga perkataan bahasa kiasan tersebut. Hasil takrifan, ungkapan kiasan tersebut bermaksud "Binaan yang dijadikan tempat berlindung daripada panas matahari, hujan, ribut, dan sebagainya.

**ii. Analisis Semantik Resonans**



RAJAH 3. Rangka Rujuk Silang Bagi Data (N2)

Ungkapan “Rumah tempat berteduh” dan “Hanya usia rapuh” telah dianalisis melalui Rangka Rujuk Silang bagi data (N2) seperti rajah 3 di atas. Pengkaji menggunakan kaedah ini bagi merungkai makna ungkapan kiasan tersebut secara mendalam melalui hubungan dengan ungkapan yang kedua. Kata “rumah” bermaksud satu binaan untuk tempat tinggal, manakala “berteduh” merupakan kata kerja bagi berlindung daripada sebarang marabahaya. Kedua-dua kata ini mempunyai hubungan yang kuat kerana menjelaskan rumah sebagai tempat berselindung daripada sebarang kecelakaan yang mungkin berlaku pada penulis. Selain rumah menjadi tempat berselindung daripada sebarang bencana, “rumah” dijadikan sebagai satu benda yang mempunyai nilai sentimental. Staats (2012) dalam Meagher (2016), menyatakan bahawa seseorang individu cenderung untuk mempunyai hubungan rapat dengan rumahnya sebagai pusat yang memulihkan emosi mereka daripada sebarang pengalaman buruk (Meagher & Alysaa, 2020). Dalam konteks ini, penulis bukan sahaja menjadikan rumahnya sebagainya tempat tinggal biasa, malah merupakan satu ruang rehat yang khas untuk kepenatan fizikal dan mental.

Sementara itu, kebiasaan ruang rehat ini dijadikan sebagai perjalanan yang memakan usia. Hal ini disusuli dengan konteks daripada lirik yang seterusnya, iaitu “Hanya usia rapuh”, yang bermaksud kehidupan hingga akhir hayat. Frasa “usia rapuh” jelas menunjukkan bahawa usia manusia akan mereput dan hilang daripada dunia. Bertitik tolak dengan konteks “rumah tempat berteduh”, penulis ingin menyampaikan mesej bahawa rumahnya adalah tempat merawat segala kesakitan fizikal dan mental sehingga akhir hayat. Maisel, et al (2021), dalam kajian *Fatigue as the Chief Complaint* menjelaskan bahawa manusia cenderung untuk mengalami kepenatan yang melampau selepas pulang dari tempat kerja. Justeru, mengambil masa dengan lebih banyak untuk berehat dan tidur adalah salah satu strategi untuk mengurangkan atau menghapuskan tekanan yang melampau (Maisel, et al, 2021).

Dalam konteks ini, rumah merupakan satu-satunya tempat yang kekal untuk berehat bagi menghapuskan segala kesakitan yang dialami. Oleh hal yang demikian, ungkapan kiasan “Rumah tempat berteduh” bermaksud suatu tindakan yang dilakukan setiap hari untuk berehat daripada tekanan. Hal ini disusuli dengan ungkapan “Hanya usia rapuh”, iaitu tempat tinggal adalah ubat untuk merawat kepenatan sehingga akhir hayat kerana perkara ini menjadi asas dalam kehidupan seharian.

### iii. Analisis Semantik Inkuisitif

“Rumah tempat berteduh” merupakan satu ungkapan kiasan yang menggambarkan tindakan asas manusia yang dilakukan setiap hari untuk berehat. “Rumah” bermaksud satu binaan yang menjadi tempat perlindungan kepada manusia daripada sebarang marabahaya, manakala “berteduh” pula bermaksud suatu tindakan yang mengelakkan diri daripada sebarang kemaslahatan. Walau bagaimanapun, kedua-dua perkataan tersebut mempunyai makna yang lebih mendalam dan perlu dicungkil melalui perluasan wilayah makna yang lebih tinggi. Dalam konteks ini, perkataan “rumah” dalam ungkapan kiasan tersebut mempunyai perkaitan dengan manusia. Secara spesifiknya, “rumah” sering kali digambarkan sebagai orang tersayang, iaitu ahli keluarga mahu pun isteri atau suami. Hal ini sedemikian kerana, rumah menjadi medium perantara untuk mengeratkan hubungan antara ahli keluarga.

Hal ini bertepatan dengan kajian Thornock et al. (2019), yang menyatakan bahawa manusia cenderung mempunyai isu ikatan atau *attachment issues* dengan sesuatu objek yang sering kali digunakan pada setiap hari. Dalam konteks psikologi, ciri-ciri rumah seperti ruang lebar mempunyai hubungan yang positif dengan tahap emosi manusia, secara tidak langsung ahli keluarga mempunyai ruang yang lebih selesa untuk membina satu komunikasi yang positif antara satu sama lain (Thornock et al., 2019). Bagi konteks

ini, penulis mencerminkan “rumah” sebagai orang tersayang, khususnya ahli keluarga yang telah menjalani pelbagai pengalaman indah dan perit di sebuah tempat berlindung.

Ungkapan kiasan “berteduh” pula bermaksud suatu tindakan yang dilakukan manusia untuk berlindung daripada sebarang marabahaya. Namun begitu, ungkapan kiasan ini menjelaskan perluasan makna yang lebih mendalam dalam konteks ahli keluarga. Hal ini demikian kerana, sesebuah keluarga khususnya ibu bapa wajib memberikan perlindungan dalam pelbagai aspek kepada anak-anaknya. “Berteduh” bukan sahaja membawa makna bagi tindakan untuk berlindung, malah menjadi satu tanggungjawab besar bagi keluarga untuk memberikan asas pendidikan agama kepada ahli keluarganya terutama akidah, akhlak, sosial, ekonomi, spiritual, dan material (Hajah Jawiah Dakir, 1996). Tanggungjawab yang perlu dilunaskan ibu bapa kepada anak-anaknya menjadi tuntutan dalam Al-Quran supaya menjadi umat Islam yang terbaik. Allah S.W.T berfirman:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya: “Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah.”

(Surah Al-Imran: 110)

Berdasarkan ayat suci Al-Quran tersebut, Allah S.W.T menuntut semua umatnya untuk menjadi insan yang terbaik supaya mampu mencegah amar makruf dan nahi mungkar. Justeru, umat manusia khususnya anak-anak dalam sesebuah keluarga perlu “berteduh” untuk mendapatkan asas agama dan jati diri supaya menjadi insan yang terbaik. Bertitik tolak dengan ungkapan kiasan “rumah”, perkara ini saling berhubung kait kerana mempunyai persamaan konteks bagi ahli keluarga. Rumah merupakan seorang insan tersayang seperti suami, isteri atau ibu bapa yang perlu memikul memikul tanggungjawab besar terhadap antara satu sama lain. Hasilnya, setiap ahli keluarganya dapat “berteduh” daripada sebarang ancaman pengaruh buruk di luar rumah. Dengan erti kata lain, ungkapan kiasan bagi “rumah tempat berteduh” bermaksud ketua keluarga yang perlu melindungi orang tersayang melalui pendidikan di rumah supaya tidak terjebak dengan sebarang gejala sosial dan sebarang marabahaya. Oleh hal yang demikian, kiasan ini telah memperlihatkan falsafah dan akal budi Melayu tentang kepentingan pendidikan agama dalam ahli keluarga.

**Data Kurela kau di panggil kembali**


**i. Analisis Semantik Skrip**

JADUAL 4. Makna Linguistik Data (N3) Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015)

Data	Ungkapan Kiasan	Makna Harfiah	
N3	“Kurela kau dipanggil kembali”	Kurela	Kata kerja yang bermaksud bersedia untuk melakukan sesuatu tanpa menghiraukan aspek lain.
		Kau	Singkatan bagi engkau; kata ganti nama diri kedua
		di	Singkatan bagi imbuhan awalan ‘di’
		Panggil	Kata kerja bagi menyuruh seseorang kembali kepadanya.
		Kembali	Tindakan pulang ke tempat asal; tempat seseorang itu berada sebelumnya.

Jadual 4 di atas menunjukkan penakrifan makna secara harfiah bagi ungkapan kiasan data (N3), iaitu “Kurela kau d panggil kembali.” Hasil pentakrifan secara harfiah bagi setiap kata dalam ungkapan kiasan tersebut membawa makna “aku yang bersedia untuk memanggil kau kembali pulang ke tempat asal.

ii. Analisis Semantik Resonans



RAJAH 4. Rangka Rujuk Silang Bagi Data (N3)

Analisis rangka rujuk silang bagi data (N3) di atas menunjukkan perkaitan antara kata “kurela” dan “dipanggil kembali”, serta diperkuatkan dengan kata “sakit”, dan “mati.” Secara harfiahnya, kurela bermaksud kesudian seseorang dalam melakukan sesuatu, manakala “d panggil kembali” membawa makna seseorang yang pulang ke tempat asal. Dalam konteks ini, terdapat satu ujaran yang berlaku di antara penulis dengan seseorang. Kata “kurela” dan “kau” jelas menunjukkan satu proses komunikasi yang berlaku di antara dua pihak. Walau bagaimanapun, ujaran tersebut dilihat penulis ingin berkomunikasi dengan Tuhan atau sedang bermonolog melalui kiasan “d panggil kembali.” Hal ini berkait dengan konteks “sakit” dan “mati” pada lirik lagu yang seterusnya bahawa mesej yang terkandung dalam monolog penulis adalah “ingin mati”.

Tindakan ini jelas menunjukkan penulis mengalami tekanan hidup yang sangat ekstrem sehingga sanggup menghadapi kematian. Tiago A. Duarte et. al. (2020), menyatakan bahawa individu yang mengalami tekanan hidup seperti *anxiety* dan *depression* cenderung untuk mencederakan diri sendiri sehingga berisiko untuk membunuh diri. Hal ini bertepatan dengan konteks lirik lagu bahawa penulis bermonolog kepada tuhan untuk meragut nyawanya melalui kiasan “dipanggil kembali” dan “sakitnya hampir mati” berikutan mengalami masalah kesihatan mental yang melampau. Oleh hal yang demikian, analisis rangka rujuk silang telah berjaya mencungkil kiasan “Kurela kau d panggil kembali” pada tahap resonans untuk meluaskan medan makna.

### iii. Analisis Semantik Inkuisitif

Penganalisan medan makna pada peringkat kognitif menjelaskan ungkapan kiasan “kurela kau dipanggil kembali” bermaksud penulis yang ingin mati ekoran mengalami masalah kesihatan mental yang melampau. Walau bagaimanapun, ungkapan tersebut perlu diteliti lebih mendalam berdasarkan analisis semantik inkuisitif bagi menimbulkan persoalan lain terhadap medan makna yang lebih luas. Dalam konteks ini, ungkapan “kurela” menimbulkan persoalan yang lebih mendalam kepada pengkaji bahawa penulis bukan sahaja bersedia, malah pasrah dengan keputusan yang ingin dilakukan. Dengan erti kata lain, penulis menerima takdir yang telah termaktub dalam kehidupannya dengan ikhlas supaya dapat menjalani kehidupan yang lebih baik. Menurut Surah Al-Furqan ayat 2, Allah S.W.T berfirman:

الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا

Maksudnya: “Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu dalam pemerintahan-Nya; dan Dialah yang mencipta segala sesuatu lalu menentukan keadaannya dengan ketentuan takdir yang sempurna.”

(Surah Al-Furqan: 2)

Ayat suci Al-Quran tersebut menyatakan bahawa Allah S.W.T telah menentukan segalanya di dunia termasuk kehidupan seseorang hamba-Nya. Sebagai seorang Muslim, menerima takdir Allah S.W.T adalah satu tindakan yang perlu dilakukan kerana setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan terkandungnya ribuan hikmah. Dalam konteks ungkapan kiasan “kurela”, penulis mengikhlaskan dirinya untuk menerima segala takdir atau kejadian yang telah berlaku dalam kehidupannya, secara tidak langsung menjadikan dirinya sebagai Muslim yang sejati.

Sementara itu, ungkapan kiasan “kau d panggil kembali” bukan sahaja bermaksud “ingin mati” berdasarkan analisis semantik resonans, malah kiasan ini menggambarkan niat penulis yang ingin berubah. Hal ini sedemikian kerana, kata “kau” dicerminkan sebagai penulis sendiri berbanding orang kedua dalam perbualan yang berkait dengan ungkapan seterusnya, iaitu “d panggil kembali.” Hal ini bermakna, penulis ingin mengembalikan versi dirinya yang terdahulu supaya dapat mengelakkan situasi buruk yang menimpa dirinya pada ketika ini. Dengan erti kata lain, penulis ingin bertaubat dan berubah menjadi insan yang lebih baik untuk menghidupkan kembali kehidupan yang lalu. Hal ini berhubung kait dengan hadis yang diriwayatkan Aisyah R. Anha, Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا اعْتَرَفَ بِذَنْبِهِ ثُمَّ تَابَ تَابَ اللَّهُ عَلَيْهِ

Maksudnya: “Sesungguhnya hamba, jika dia mengakui dosanya dan kemudian dia bertaubat, nescaya Allah SWT menerima taubatnya.”

Riwayat al-Bukhari (2661)

Rasulullah SAW bersabda bahawa Allah S.W.T menerima taubat hamba-Nya yang mengaku segala dosa yang telah dilakukan dalam kehidupan. Dalam konteks lirik lagu, penulis sudah menerima segala takdir yang telah berlaku dalam kehidupannya melalui kiasan “kurela” dan bertekad untuk

bertaubat kepada Allah S.W.T berdasarkan kiasan “kau d panggil kembali.” Hal ini menunjukkan bahawa penulis mahu pengakhiran pada kesengsaraannya melalui perubahan rohani sejurus membentuk kehidupan yang lebih bermakna melalui taubat nasuha. Oleh hal yang demikian, ungkapan kiasan “kurela kau d panggil kembali” mencerminkan falsafah dan akal budi Melayu tentang kepentingan kembali ke jalan yang lurus.

**Data Menyentuh bara api**


**i. Analisis Semantik Skrip**

JADUAL 5. Makna Linguistik Data (N4) Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015)

Data	Ungkapan Kiasan	Makna Harfiah	
N4	“Menyentuh bara api”	Menyentuh	Mengenai sedikit; menjamah
		Bara	Serpihan arang batu atau kayu yang bernyala dalam api yang hampir padam.
		Api	Panas dan bercahaya yang terjadi apabila sesuatu terbakar.

Jadual 5 di atas menunjukkan penganalisan makna bagi tahap semantik skrip yang bersandarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015). Tafsiran makna secara harfiah bagi ungkapan kiasan “Menyentuh bara api” bermaksud menjamah serpihan arang batu atau kayu yang bernyala apabila terbakar. Penemuan tafsiran bagi semantik skrip tidak memerlukan pemikiran kognitif yang tinggi.

ii. Analisis Semantik Resonans



RAJAH 5. Rangka Rujuk Silang Bagi Data (N4)

Analisis semantik resonans digunakan pengkaji bagi memperhalusi makna ungkapan kiasan “Menyentuh bara api” secara kognitif. Proses penganalisan ini diteliti menggunakan struktur rangka rujuk silang (RRS) bagi memperlihatkan perkaitan konteks antara kata kiasan dalam baris pertama dan baris kedua lirik lagu *Rahsia Tuhan*. Hasil penelitian tersebut, frasa “bara api” ditekankan dalam baris pertama yang bermaksud serpihan arang batu atau kayu yang bernyala dalam api yang hampir padam (Kamus Dewan Edisi Ke 4, 2015). Walau bagaimanapun, frasa kiasan ini mencerminkan makna yang lebih mendalam bagi konteks “benci.” Hal ini sedemikian kerana, penulis menyatakan frasa “bara api” sebagai simbol kepada perasaan marah dan benci.

Secara umumnya, bara api terbentuk apabila batu atau kayu dibakar pada suhu yang sangat tinggi sehingga mewujudkan rupa yang bercahaya dan menjadi ketulan pepejal yang kecil (Thoms et. al, 2018). Proses penghasilan “bara api” ini berkaitan dengan konteks kiasan “hampir jadi benci” kerana sifat “api” adalah panas dan boleh mewujudkan perasaan yang tidak senang dalam diri, sekali gus menjadikan seseorang itu marah. Menurut George Lakoff (1987), metafora “*anger is fire*” adalah konsep kemarahan yang dikaitkan dengan cecair panas dalam sebuah bekas atau api. Hal ini mempengaruhi gaya individu mengalami dan meluahkan perasaan marah. Dengan erti kata lain, sifat api adalah panas dan perlu dilepaskan keluar apabila berlakunya tekanan. Dalam konteks ini, metafora yang dinyatakan George Lakoff (1987), bertepatan dengan kiasan “menyentuh bara api” kerana individu yang cuba menyentuh sesuatu perkara yang dianggap sensitif akan menimbulkan perasaan panas dalam diri sehingga tercetusnya kemarahan seseorang.

Oleh hal yang demikian, penulis menggambarkan kiasan “menyentuh bara api” sebagai simbol perasaan marah yang perlu dilepaskan sebelum timbulnya perasaan benci, yang dinyatakan melalui kiasan “hampir jadi benci.” Sehubungan dengan itu, analisis semantik resonans berjaya mencungkil makna secara kognitif bagi kiasan “Menyentuh bara api” melalui rangka rujuk silang (RRS) yang bermaksud tekanan perasaan marah yang perlu dilepaskan.

### iii. Analisis Semantik Inkuisitif

Kiasan “menyentuh bara api” berjaya dibincangkan pengkaji dalam semantik resonans yang bermaksud perasaan marah dalam diri individu. Namun begitu, makna yang lebih dalam perlu dikupas pada tahap semantik inkuisitif untuk mendapatkan maksud sebenar di sebalik penulisan ungkapan kiasan lirik lagu tersebut. Kiasan “menyentuh bara api” bukan sahaja melibatkan perasaan marah yang perlu dilepaskan, malah ungkapan kiasan ini mengajar masyarakat untuk menjaga tanggungjawab sosial. Hal ini merangkumi hubungan sesama manusia dan sang pencipta kerana perkara tersebut menjadi tunjang dalam membentuk kehidupan yang aman. Berdasarkan makna permukaan, kiasan “menyentuh” bermaksud suatu tindakan untuk menjamah sesebuah objek. Namun begitu, kiasan tersebut lebih menjurus kepada suatu tindakan yang berpotensi untuk mencetuskan sebarang konflik seperti mengumpat, mencuri, memaki, dan sebagainya. Hal ini telah dijelaskan dalam Surah Al-Imran ayat ke 112, Allah S.W.T berfirman:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا تَفْقَرُوا إِلَّا بِحَبْلِ مِنَ اللَّهِ وَحَبْلِ مِنَ الْنَّاسِ

Bermaksud: “Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah (hubungan dengan Allah) dan adanya sebab dari manusia (hubungan sesama manusia)...”

(Surah Al-Imran: 112)

Berdasarkan ayat kedua dalam Surah Al-Imran di atas, Allah S.W.T menekankan bahawa hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia tidak boleh dipisahkan. Perkara ini merupakan separuh daripada keperibadian mukmin yang sempurna. Melalui konteks ini, penulis menggambarkan “menyentuh” sebagai tindakan yang boleh melukai seseorang sama ada secara mental atau fizikal, sekali gus mewujudkan hubungan yang dingin antara dua pihak. Sementara itu, frasa kiasan “bara api” itu sendiri merupakan satu konotatif yang negatif kerana “api” adalah bersifat panas dan boleh mencederakan seseorang secara mental dan fizikal seperti dalam kajian Thakrer et. al. (2015). Dengan erti kata lain, masyarakat perlu mengelakkan diri daripada melakukan sebarang kezaliman terhadap orang lain bagi mewujudkan suasana yang harmoni antara satu sama lain. Justeru, hubungan sesama manusia dapat dijaga demi mengelakkan berlakunya sebarang konflik.

Selain itu, kiasan “menyentuh bara api” juga dikaitkan dengan hubungan diri dengan Tuhan seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-Imran, ayat ke 112. Hal ini demikian kerana, kiasan “menyentuh” boleh dicerminkan sebagai tindakan yang menjurus kepada dosa kemaksiatan. Dalam konteks “bara api”, frasa ini membawa maksud sesuatu perkara yang dianggap bahaya dan mendatangkan mudarat pada diri sendiri. Hal ini secara tidak langsung saling berhubung kait dengan kiasan “menyentuh” kerana perbuatan yang

dilarang dalam Islam akan memberi kesan buruk pada diri sendiri. Allah S.W.T berfirman dalam Surah Al-Maidah, ayat ke 95:

عَفَا اللَّهُ عَمَّا سَلَفَتْ<sup>٥</sup> وَمَنْ عَادَ فَيَنْتَقِمُ اللَّهُ مِنْهُ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو انْتِقَامٍ

Maksudnya: Allah maafkan apa yang telah lalu; dan sesiapa yang mengulangi (kesalahan itu) maka Allah akan menyeksanya; dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Berkuasa membalas dengan azab seksa.

(Surah Al-Maidah: 95)

Berdasarkan kupasan Wahbah (t.t), ayat di atas menjelaskan balasan di atas dunia dan menghalang siksaan di akhirat sekiranya individu tidak mengulangi perbuatan dosa (Fathi Noordin, 2020). Konteks ini secara jelas menyatakan bahawa individu yang mendekati diri dengan kemaksiatan akan menerima balasan di dunia sekiranya tidak bertaubat. Secara spesifiknya, konteks “balasan” dalam ayat suci Al-Quran tersebut adalah sama dengan konteks kiasan “bara api” kerana perbuatan yang dianggap berbahaya mempunyai implikasi yang tersendiri. Ariane Zermatten et. al. (2005), dalam kajiannya menyatakan bahawa individu yang bersifat impulsif lebih cenderung untuk mengambil sebarang risiko tanpa menilai kesan negatif yang akan menimpanya. Dengan erti kata lain, manusia perlu berfikir sebelum bertindak melakukan perkara yang boleh mendatangkan mudarat kepada diri sendiri, sekali gus menjejaskan hubungan dengan sang pencipta.

## KESIMPULAN

Kajian ini menganalisis penggunaan bahasa kiasan dalam lirik lagu Rahsia Tuhan nyanyian Noh Salleh melalui pendekatan semantik inkuisitif bagi menyingkap makna tersirat serta akal budi Melayu yang terkandung dalam teks kreatif tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lirik lagu bukan sekadar medium hiburan, malah berfungsi sebagai wahana refleksi falsafah, spiritual dan kemanusiaan yang mendalam. Pendekatan semantik inkuisitif telah membuktikan keupayaannya dalam merungkai lapisan makna secara sistematik melalui analisis semantik skrip, resonans dan inkuisitif, sekali gus memberikan pemahaman yang lebih holistik terhadap pemikiran dan falsafah pengarang. Kajian ini turut memperlihatkan potensi genre muzik indie sebagai medium penyampaian nilai akal budi Melayu dalam konteks masyarakat kontemporari. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengayaan ilmu dalam bidang semantik dan analisis wacana kreatif, di samping membuka ruang kepada kajian lanjutan yang melibatkan genre muzik dan karya kreatif Melayu yang lebih pelbagai.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. 2011. Konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional: Beauty concept in traditional Malay literature. *PENDETA*, 2, 99–117.
- Ahmad Wafi Yunus & Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin. 2023. Penulisan lirik lagu Malique: Satu analisis retorik moden. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 5(1), 15–25.
- Aliaa Wan Mohd Muzani & Nurul Jamilah Rosly. 2021. Bahasa kiasan dalam lirik lagu nyanyian Dato’ Sri Siti Nurhaliza: Analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(1), 31–45.

- Asmah Haji Omar. 2005. Budaya dan bahasa kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 3, 3–13.
- Asyraff Jamin & Fatimah Subet. 2019. Karya indie: Sastera kontemporari bernilai pendidikan. Kertas kerja, Seminar Pedagogi dan Inovasi Kebangsaan, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu.
- Asyraff Jamin & Fatimah Subet. 2021. Realisme ekonomi masyarakat Malaysia dalam karya indie. *Asian People Journal*, 4(1), 11–25.
- Azlina Abdullah, Zatul Alia Zakaria, Norazimah Zakaria & Alizah Lambri. 2019. Orang Melayu di tempat kerja: Adab dan kesantunan dalam komunikasi dan hubungan sosial. Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Sastera, Bahasa dan Budaya Nusantara.
- Azmi Mohd Fadzil & Wahab Mohd Ramli. 2013. Kedudukan akal dalam pendalilan akidah. *Jurnal Teknologi*, 63(1).
- Bowlby, J. 1969. *Attachment and loss*. Scientific Research Publishing.
- Clance, P. R. & Imes, S. A. 1978. The imposter phenomenon in high achieving women: Dynamics and therapeutic intervention. *Psychotherapy: Theory, Research & Practice*, 15(3), 241–247.
- Dewi Rosiana & Nusar Hajarisman. 2021. Hubungan antara ikhlas dan flow pada kegiatan akademik mahasiswa. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(2).
- Duarte, T. A., Paulino, S., Almeida, C., Gomes, H. S., Santos, N. & Gouveia-Pereira, M. 2020. Self-harm as a predisposition for suicide attempts. *Psychiatry Research*, 287, 112553.
- Dymchenko, A., Geršl, M. & Gregor, T. 2023. Trends in bread waste utilisation. *Trends in Food Science & Technology*, 132, 93–102.
- Frijns, T. 2005. Keeping secrets: Quantity, quality and consequences. ResearchGate.
- Geshina Ayu Mat Saat & Nadiyah Syariani Md Shariff. 2015. Penilaian dan pengurusan psikologi pemandiri trauma. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 13(2), 19–35.
- Gvion, Y. & Apter, A. 2019. The psychology of suicide. *Frontiers in Psychiatry*, 10, 459277.
- Hairul Anuar Harun & Mohd Azam Sulong. 2023. Akal budi Melayu dalam karya M. Nasir. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(2), 10–26.
- Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim. 2017. Perlambangan kata kerja dalam lirik lagu “Bebaskan”. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 102–111.
- Hornock, C. M., Nelson, L. J., Porter, C. L. & Evans-Stout, C. A. 2019. There's no place like home. *Journal of Environmental Psychology*, 64, 39–47.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2020. Tadabbur Kalamullah 3 Syawal 1441H: Kukuhkan hubungan dengan Allah dan sesama manusia.
- Jawiah Dakir. 1996. Asas pembentukan keluarga menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah. *Islamiyyat*, 17, 3–18.
- Lakoff, G. 1987. *Women, fire, and dangerous things*. University of Chicago Press.
- Luqman Hakim. 2022. Ikhlas sebagai pengendali stres: Perspektif ‘Abd al-Malik Amrullah. Tesis Sarjana Muda, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Maisel, P., Baum, E. & Donner-Banzhoff, N. 2021. Fatigue as the chief complaint. *Deutsches Ärzteblatt International*, 118(33–34), 566–576.
- Mary Fatimah Subet & Muhammad Ridhwan Md Nasir. 2019. Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227–253.
- Meagher, B. R. & Cheadle, A. D. 2020. Distant from others, but close to home. *Journal of Environmental Psychology*, 72, 101516.

- Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nordiana Ab Jabar. 2020. Interpretasi resepsi sastra menerusi lirik lagu Tolong Ingatkan Aku. *International Journal of Creative and Arts Studies*, 8(2), 35–53.
- Muhammad Fathi Noordin. 2020. Al-Kafi #1504: Apakah dosa mengajar kemaksiatan kepada seseorang akan diwarisinya. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Muhammad Mushfique. 2019. Irsyad al-Hadith siri ke-348: Ketetapan qadar manusia. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Muhammad Zawawi Tuah. 2022. Makna tersirat dalam lagu “Hakikat Sebuah Cinta” dan “Suci Dalam Debu”. Projek Tahun Akhir, Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhd Farhan. 2022. Bayan Linnas siri ke-259: Penjagaan alam sekitar dalam agama Islam. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Musixmatch. 2024. Lirik lagu Rahsia Tuhan.
- National Institute of General Medical Sciences. 2023. Circadian rhythms.
- Nock, M. K. 2009. Why do people hurt themselves? *Current Directions in Psychological Science*, 18(2), 78–83.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norfadzlea Tasha Al-Fadhir & Nora’Azian Nahar. 2022. Unsur ketuhanan dalam lirik lagu Suatu Masa. *International Young Scholars Journal of Language*, 5(2), 124–145.
- Paulus, M. P. 2013. The breathing conundrum. *Depression and Anxiety*, 30(4), 315–320.
- Peeters, F., Berkhof, J., Delespaul, P., Rottenberg, J. & Nicolson, N. A. 2006. Diurnal mood variation. *Emotion*, 6(3), 383–391.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2014. Irsyad Hukum ke-2: Maksud qada' dan qadar.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2019. Al-Afkar #52: Tanda Allah SWT menerima taubat seseorang.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2019. Al-Kafi #1059: Sifat kehidupan dunia.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2020. Tashih al-Mafahim #15: Menyandarkan segala keputusan kepada Allah.
- Quran.com. t.t. Surah al-Furqan: 2.
- Quran.com. t.t. Surah Ali ‘Imran: 110.
- Quran.com. t.t. Surah Ali ‘Imran: 112.
- Quran.com. t.t. Surah al-Ma’idah: 95.
- Quran.com. t.t. Surah al-Naba’: 11.
- Quran.com. t.t. Surah Hud: 61.
- Rosmalizah Rasyid & Yulliani Rachmawati. 2023. Gaya bahasa dalam lirik lagu bergenre indie. *Jurnal Penelitian Pendidikan dan Bahasa*, 1(2), 120–125.
- Sakaguchi, Y. & Aiba, E. 2016. Relationship between musical characteristics. *Frontiers in Human Neuroscience*, 10, 210138.
- Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah & Mary Fatimah Subet. 2021. Imej perlambangan “tangan”. *Asian People Journal*, 4(1), 108–131.
- Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin & Ahmad Wafi Yunus. 2023. Penulisan lirik lagu Malique: Satu analisis retorik moden. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 5(1), 15–25.
- Sunnah.com. t.t. Sahih al-Bukhari: 2661.
- Sunnah.com. t.t. Sahih Muslim: 2647.

- Teigen, K. H. 1994. Yerkes-Dodson: A law for all seasons. *Theory & Psychology*, 4(4), 525–547.
- Thakrar, S. et al. 2015. Men, fire, and burns. *Burns*, 41(8), 1664–1673.
- Thoms, A. V. et al. 2018. Ethnographies and actualistic cooking experiments. *Ethnoarchaeology*, 10(2), 76–98.
- Vaismoradi, M., Turunen, H. & Bondas, T. 2013. Content analysis and thematic analysis. *Nursing & Health Sciences*, 15(3), 398–405.
- Wong, S. H. 2020. Gambaran kemewahan melalui perlambangan. *PENDETA*, 11(1), 98–114.
- Wong, S. H. & Nor Hashimah Jalaluddin. 2019. Bahasa kiasan dalam lagu “Mati Hidup Semula”. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231–258.
- Yerkes, R. M. & Dodson, J. D. 1908. The relation of strength of stimulus to rapidity of habit formation. *Journal of Comparative Neurology & Psychology*, 18, 459–482.
- Zainal Abidin Ahmad (Za’ba). 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I–III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2011. Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3).
- Zermatten, A. et al. 2005. Impulsivity and decision making. *Journal of Nervous and Mental Disease*, 193(10), 647–650.
- Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2020. Makna implisit dalam lirik lagu “Rapuh”. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 7(2), 37–49.
- Zulieda Azni & Wan Amizah Wan Mahmud. 2020. Representasi sosial masyarakat dalam lirik lagu Aman RA. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1–14.

### **Biodata Penulis:**

Musaab Mustapha ialah pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Dr. Nurul Jamilah Rosly ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah semantik, pragmatik, sintaksis dan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.